

D.R. 13/2009

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), perenggan 4(b) dalam pindaan dalam seksyen 7 Akta ini disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 November 1990.

Bahagian baru I

2. Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 [Akta 85], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 1 tajuk yang berikut:

**"BAHAGIAN I
PERMULAAN".**

Pindaan seksyen 2

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 2 dengan seksyen yang berikut:

"Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta ini" termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"anggota" ertinya anggota Pihak Berkuasa dan termasuklah anggota silih ganti;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"estet" ertinya mana-mana tanah yang jumlah keluasannya tidak kurang daripada 40 hektar yang dimasukkan dalam suatu Skim yang ditetapkan di bawah Bahagian VI dan yang berhubungan dengannya pemunya tanah itu berterusan menyertai Skim itu sepanjang tempohnya; atau

"getah" ertinya segala getah asli dalam bentuk cecair, pepejal atau adunan yang didapati daripada tumbuhan getah dan termasuklah segala elastomer yang didapati daripada getah asli;

"perusahaan getah" termasuklah penanaman tumbuhan getah, pengeluaran getah dan kayu *hevea*, pemprosesan dan penggunaan getah, pengilangan keluaran getah, dan perkhidmatan yang berhubungan dengannya;

"keluaran getah" ertinya apa-apa keluaran yang diperoleh secara langsung daripada tumbuhan getah, atau secara keseluruhannya atau sebahagiannya dibuat atau didapati daripada keluaran itu dan termasuklah lateks, bahan penanaman getah, kayu getah dan segala hasil pervingunan dalam bentuk siap atau separa siap yang didapati secara keseluruhannya atau sebahagiannya daripada getah;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah seksyen 11;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah yang ditubuhkan di bawah seksyen 13;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Pihak Berkuasa;

"pegawai diberi kuasa" ertinya—

- (a) seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 33;
- (b) mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, termasuk Inspektor yang sedang dalam tempoh percubaan; atau
- (c) seseorang Pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 {*Akta 235*};

"pekebun kecil" ertinya—

- (a) pemunya atau penduduk sah mana-mana tanah yang jumlah keluasannya tidak kurang daripada 40 hektar, wakil sah pemunya atau wakil sah penduduk sah itu; atau
- (b) seseorang yang diisytiharkan secara bertulis oleh Menteri sebagai pekebun kecil di bawah seksyen 26;

"pemunya tanah" ertinya tuan punya berdaftar suatu tanah mengikut pengertian Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan termasuklah wakil diri pemunya yang telah mati;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah seksyen 4;

"Pihak Berkuasa" ertinya Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"ses" ertinya ses yang dikenakan di bawah seksyen 16;

"Skim" ertinya suatu skim yang ditetapkan di bawah seksyen 27;

"tumbuhan getah" ertinya spesies tumbuhan daripada genera *Hevea Brasiliensis* (getah para), *Manihot Glaziovii* (getah ceara), *Castilloa Elastica*, *Ficus Elastica* (rambung) atau apa-apa genus atau spesies tumbuhan lain yang menghasilkan lateks dan termasuklah—

- (a) kacukan atau klon daripada genus atau spesies itu;
- (b) tumbuhan yang terhasil daripada mengahwinkan spesies, kacukan atau klon itu dengan mana-mana spesies, kacukan atau klon tumbuhan yang lain; dan
- (c) versi spesies, kacukan atau klon ini yang dihasilkan melalui kejuruteraan genetik."

Bahagian baru II

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 tajuk yang berikut:

"BAHAGIAN II

PENUBUHAN PIHAK BERKUASA".

Pindaan seksyen 3

5. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "**Penubuhan Pihak Berkuasa**" dengan perkataan "**Pihak Berkuasa dan objektifnya**";

- (b) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan "(kemudian daripada ini disebut "Pihak Berkuasa itu)"; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2), (3) dan (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Pihak Berkuasa itu hendaklah suatu pertubuhan perbadanan dan adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(3) Objektif Pihak Berkuasa adalah—

- (a) untuk menggalakkan penanaman semula dan penanaman baru tumbuhan getah dalam sektor pekebun kecil;
- (b) untuk membangunkan dan menggalakkan industri getah di kalangan sektor pekebun kecil;
- (c) untuk mengawal selia industri getah dalam sektor pekebun kecil kecuali penyelidikan ke atas getah; dan
- (d) untuk membangunkan matlamat, dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran teratur sektor pekebun kecil.

(4) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa."

Seksyen baru 3A dan 3B

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

"Fungsi Pihak Berkuasa

3A. Fungsi Pihak Berkuasa adalah—

- (a) untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pertumbuhan dan daya maju perusahaan getah dalam sektor pekebun kecil;

- (b) untuk merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan mengawasi semua Skim yang disediakan dan diluluskan di bawah peruntukan Bahagian VI;
- (c) untuk merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan mengawasi segala pembaharuan penyelidikan dalam sektor pekebun kecil;
- (d) untuk menggalakkan, mengawal dan mengawasi langkah-langkah bagi mendapatkan getah yang berkualiti tinggi;
- (e) untuk memberikan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan kepada sektor pekebun kecil;
- (f) untuk menyediakan dan membekalkan bahan tanaman berhasil tinggi, input pertanian dan bahan atau input lain yang perlu bagi menjalankan penanaman semula dan penanaman baru dalam sektor pekebun kecil;
- (g) untuk menggalakkan pemasaran dan pengendalian getah yang cekap dalam sektor pekebun kecil perusahaan getah;
- (h) untuk melibatkan diri dalam perdagangan getah dalam sektor pekebun kecil perusahaan getah;
- (i) untuk merancang dan melaksanakan apa-apa aktiviti pembangunan huluan atau hiliran berkenaan dengan industri getah dan aktiviti yang berkaitan dengannya bagi pekebun kecil;
- (j) untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pendidikan bagi faedah pekebun kecil;
- (k) untuk mengumpulkan, menguruskan dan menyebarkan perangkaan atau maklumat yang perlu dan menyenggarakan rekod semua perkara yang berhubungan dengan sektor pekebun kecil;
- (l) untuk berhubung dan membuat penyelarasan dengan Kerajaan Negeri yang berkaitan dan badan-badan lain termasuk menjadi anggota persatuan di dalam dan di luar Malaysia demi kepentingan sektor pekebun kecil perusahaan getah;

- (m) untuk bekerjasama dan berhubung dengan agensi kebangsaan lain yang bertanggungjawab bagi penyelidikan, pengembangan penyelidikan dan pengetahuan, pemberian kredit pertanian, pemprosesan dan pemasaran getah;
- (n) untuk merancang dan melaksanakan apa-apa aktiviti lain yang dapat meningkatkan lagi kesejahteraan sosial dan ekonomi pekebun kecil;
- (o) untuk memastikan bahawa sektor pekebun kecil dimodenkan untuk memperbaiki kesejahteraan sosial dan ekonomi pekebun kecil; dan
- (p) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Kuasa Pihak Berkuasa

3B. (1) Pihak Berkuasa boleh, bagi melaksanakan fungsinya—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap jenis harta alih atau harta tak alih;
- (c) memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik, atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Pihak Berkuasa;
- (d) mengusahakan dan menyelaraskan aktiviti yang berhubungan dengan penanaman semula dan penanaman baru tumbuhan getah, pengeluaran, penorehan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan dan pemasaran getah dan perkhidmatan yang berhubungan dengannya dalam sektor pekebun kecil perusahaan getah;

- (e) menjalankan penanaman semula dan penanaman baru dalam sektor pekebun kecil dengan bahan tanaman berhasil tinggi yang moden dengan cara yang menyeluruh dan sistematik;
- (f) membayar semula ses bagi maksud penanaman semula tumbuhan getah atau penanaman tanaman lain sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa;
- (g) menyediakan bantuan kewangan atau bantuan lain kepada pekebun kecil dan aktiviti mereka yang berkaitan;
- (h) mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi penggunaan apa-apa kemudahan, atau perkhidmatan teknikal, nasihat dan perundingan atau apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh Pihak Berkuasa;
- (i) memungut dan menerima apa-apa wang berhubung dengan aktiviti perdagangannya;
- (j) membuat apa-apa perundingan dan perjanjian atau perkiraan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi menunaikan fungsinya;
- (k) memberi perakuan kecekapan berkenaan dengan program latihan dan program yang diakreditasi;
- (l) mengusahakan dan menyelaraskan apa-apa aktiviti yang disifatkannya perlu bagi maksud melindungi dan memajukan kepentingan sektor pekebun kecil;
- (m) melaksanakan segala aktiviti, khususnya aktiviti yang bersifat komersial yang penjalanannya didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;
- (n) mengawal selia sektor pekebun kecil perusahaan getah, kecuali penyelidikan ke atas getah, termasuk pelaksanaan dan penguatkuasaan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; dan
- (o) mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa yang berhubungan dengan pembaikan dan pembangunan sektor pekebun kecil.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dalam menunaikan mana-mana fungsinya, dalam hal yang bersesuaian menjalankan aktiviti komersial bagi mendapat laba atau untung melalui syarikat yang ditubuhkan dari semasa ke semasa di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan syarikat itu hanya boleh ditubuhkan setelah diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(3) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang menetapkan apa-apa aktiviti atau kepentingan atau menetapkan terma-terma dan syarat-syarat apa-apa aktiviti atau kepentingan mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa berhubung dengan mana-mana syarikat yang ditubuhkan di bawah subseksyen (2) atau dengan mana-mana syarikat, perusahaan atau pengusahaan lain.

(4) Apa-apa peninggalan atau keabaiian untuk mematuhi, dan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau cuba untuk dilakukan yang berlawanan dengan, peruntukan peraturan-peraturan itu ialah suatu kesalahan di bawah Akta ini dan pesalah itu boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya."

Pindaan seksyen 4

7. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

"Keanggotaan Pihak Berkuasa

4. Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu;
- (c) seorang wakil Perbendaharaan, yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;

- (d) seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, yang dinamakan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi;
- (e) seorang wakil Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu;
- (f) seorang wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu;
- (g) Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia atau wakilnya;
- (h) Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau wakilnya;
- (i) tujuh orang wakil sektor pekebun kecil, seorang daripadanya hendaklah dari Sabah dan seorang dari Sarawak;
- (j) tiga orang yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pembangunan sektor pekebun kecil; dan
- (k) Ketua Pengarah."

Seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F dan 4G

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

"Tempoh jawatan

4A. Seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik oleh Menteri hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

Anggota silih ganti

4B. (1) Menteri boleh melantik seseorang untuk menjadi anggota silih ganti berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(b) hingga 4(j) untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa sebagai ganti anggota itu jika anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Anggota silih ganti yang hendak dilantik berkenaan dengan anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(b) hingga 4(j) hendaklah anggota silih ganti yang dinamakan oleh orang yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan itu.

(3) Apabila menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Pihak Berkuasa.

(4) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan keanggotaannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Pihak Berkuasa.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

4c. (1) Jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Pihak Berkuasa selain Ketua Pengarah untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(2) Sehingga suatu pelantikan di bawah subseksyen (1) dibuat atau jika tiada pelantikan sedemikian atau jika Pengerusi yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen (1) tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa, anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(b) atau anggota silih gantinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

(3) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau anggota yang disebut dalam subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini disifatkan sebagai Pengerusi.

(4) Jika pada mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa Pengerusi mahupun orang yang menjalankan fungsi Pengerusi kedua-duanya tidak hadir, anggota yang hadir hendaklah melantik seorang daripada kalangan anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Pembatalan dan peletakan jawatan

4D. (1) Pelantikan mana-mana anggota yang dilantik oleh Menteri boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri.

(2) Seseorang anggota yang dilantik oleh Menteri boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui suatu notis bertulis yang ditujukan kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

4E. (1) Jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik oleh Menteri hendaklah menjadi kosong jika—

(a) dia mati;

(b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau, dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut seksyen 4.

Pewakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa

4F. (1) Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya, kecuali kuasa untuk meminjam wang, memberikan pinjaman, membuat pendahuluan, menubuhkan perbadanan atau membuat peraturan-peraturan, kepada—

- (a) mana-mana anggota Pihak Berkuasa;
- (b) mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa; atau
- (c) mana-mana pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa,

dan mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh anggota, pegawai atau pekhidmat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa.

(2) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Pihak Berkuasa sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) dan peruntukan-peruntukan lain Akta ini, Pihak Berkuasa boleh mewakili kepada Ketua Pengarah—

- (a) kuasa untuk memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa di bawah seksyen IIAB; dan
- (b) kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain yang terletak hak pada atau yang di bawah kawalan Pihak Berkuasa sehingga apa-apa had yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Pihak Berkuasa boleh menubuhkan jawatankuasa

4G. (1) Pihak Berkuasa boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Pihak Berkuasa boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh memilih mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tataranya sendiri dan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Pihak Berkuasa.

(4) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu, tertakluk kepada subseksyen (3).

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota jawatankuasa itu untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidaklah berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(6) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (5) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(7) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(8) Pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Pihak Berkuasa.

(9) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Pihak Berkuasa."

Pemotongan seksyen 5, 6, 7 dan 8

9. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 5, 6, 7 dan 8.

Pindaan seksyen 9

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen yang berikut:

"Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

9. (1) Pihak Berkuasa hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan arahan yang selaras dengan Akta ini kepada Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah melaksanakan kesemua arahan yang diberikan di bawah seksyen ini dengan seberapa segera yang mungkin."

Pemotongan seksyen 10

11. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 10.

Bahagian baru III

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 11 tajuk yang berikut:

"BAHAGIAN III

KETUA PENGARAH, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PIHAK BERKUASA".

Pindaan seksyen 11

13. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut:

"Pelantikan Ketua Pengarah

11. Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Pihak Berkuasa atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri."

Pindaan seksyen 11A

14. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11A dengan seksyen yang berikut:

"Kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah

11A. (1) Pihak Berkuasa hendaklah meletakkan pada Ketua Pengarah apa-apa kuasa dan hendaklah mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa.

- (3) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi—
- (a) pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Pihak Berkuasa yang sewajarnya;
 - (b) penyediaan —
 - (i) segala program, Skim, projek dan aktiviti;
 - (ii) anggaran perbelanjaan bagi pelaksanaan program, Skim, projek dan aktiviti; dan
 - (iii) anggaran pendapatan,untuk kelulusan Pihak Berkuasa;
 - (c) pelaksanaan program, Skim, projek dan aktiviti Pihak Berkuasa; dan
 - (d) pelaksanaan keputusan dan arahan Pihak Berkuasa.
- (4) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.
- (5) Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa.
- (6) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pengarah hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Pihak Berkuasa.
- (7) Jika Ketua Pengarah tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain tidak berupaya melaksanakan kewajipannya, atau jika jawatan Ketua Pengarah buat sementara adalah kosong, Pihak Berkuasa boleh mengarahkan Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan Ketua Pengarah semasa ketidakhadiran, ketidakupayaan atau kekosongan buat sementara itu.
- (8) Bagi maksud subseksyen (7) —
- (a) jika terdapat lebih daripada seorang Timbalan Ketua Pengarah, Pihak Berkuasa hendaklah menamakan seorang Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan itu; dan

- (b) jika jawatan Timbalan Ketua Pengarah kosong, Pihak Berkuasa boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain Pihak Berkuasa untuk melaksanakan kewajipan itu."

Seksyen baru 11AA, 11AB, 11AC dan 11AD

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11A seksyen yang berikut:

"Pelantikan pegawai dan pekhidmat

11AA. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (3), Pihak Berkuasa boleh—

- (a) dengan keizinan Menteri, melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah; dan
- (b) melantik apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat lain yang perlu bagi melaksanakan maksud Akta ini,

atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Tiada seorang pun layak diambil khidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa jika dia mempunyai, secara langsung atau secara tidak langsung, sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, bagi atau bagi pihak Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

(4) Pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Kuasa memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat

11AB. Pihak Berkuasa boleh memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Pewakilan kewajipan Ketua Pengarah

11AC. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana kuasa atau kewajipan Ketua Pengarah di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai Pihak Berkuasa, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(2) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Ketua Pengarah sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan, pada bila-bila masa, mana-mana kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian.

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

11AD. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa."

Pemotongan seksyen 11B, 11C, 11D, 11E, 11F, 11G, 11H, 11I, 11J, 11K dan 12

16. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 11B, 11C, 11D, 11E, 11F, 11G, 11H, 11I, 11J, 11K dan 12.

Bahagian baru IV, V, VI, VII dan VIII

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian III Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IV**KEWANGAN****Kumpulan Wang**

13. (1) Bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah" ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah dikawal, disenggarakan dan dikendalikan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan bagi maksud Akta ini oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
- (b) wang yang diperolehi daripada pengendalian apa-apa projek, Skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (c) wang yang diperolehi atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, sewaan, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Pihak Berkuasa;
- (d) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, sewaan, gadaian atau debentur yang diperolehi atau yang terletak hak pada Pihak Berkuasa;
- (e) jumlah wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (f) wang yang diperolehi daripada perkhidmatan perundingan atau nasihat atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Pihak Berkuasa;
- (g) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 16;
- (h) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 30;
- (i) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 50;
- (j) wang yang dipungut oleh Pihak Berkuasa di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan yang dinyatakan dalamnya sebagai jumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang;
- (k) wang yang diagihkan sebagai dividen daripada syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;

- (I) derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia dan termasuklah wang yang diterima daripada mana-mana kerajaan atau organisasi di luar Malaysia; dan
- (m) segala jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

14. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Pihak Berkuasa, termasuk—
 - (i) saraan pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa, termasuk pemberian pinjaman, elaun persaraan, pencen dan ganjaran;
 - (ii) perlindungan insurans bagi pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
 - (iii) kos yang ditanggung dalam membuat peruntukan bagi kebajikan pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa; dan
 - (iv) fi dan kos guaman dan apa-apa fi dan kos lain;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini untuk menjalankan atau untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan suatu Skim;
- (c) membayar balik ses bagi maksud penanaman semula tumbuhan getah atau tanaman lain yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa;

- (d) memberikan pinjaman atau menyediakan pemberian kepada pekebun kecil bagi maksud memajukan kebun mereka;
- (e) membayar elaun perjalanan dan elaun-elaun lain kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (f) memberikan pinjaman kepada pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa bagi pembelian atau pembinaan rumah kediaman, pembelian kenderaan, komputer atau barang lain yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa, atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;
- (g) latihan untuk pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa, dan pekebun kecil atau keluarga pekebun kecil;
- (h) sumbangan kepada kumpulan wang sukan dan rekreasi bagi pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (i) memberikan pinjaman atau biasiswa untuk pengajian tinggi bagi pegawai dan pekhidmat yang sedang berkhidmat dan juga bakal pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (j) memberikan pinjaman atau biasiswa untuk pengajian anak-anak pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa dan pekebun kecil;
- (k) menyumbang kepada badan, organisasi atau persatuan yang ditubuhkan bagi faedah pekebun kecil;
- (l) menyumbang kepada badan atau organisasi yang dianggotai oleh Pihak Berkuasa;
- (m) memberikan pinjaman atau pemberian kepada institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar Malaysia bagi maksud pembangunan sumber manusia dalam industri getah;
- (n) memberikan pinjaman atau menyediakan modal bagi syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
- (o) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atas wang itu;

- (p) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (q) tertakluk kepada kelulusan Menteri, memberikan sumbangan kepada mana-mana organisasi, sama ada dalam atau di luar Malaysia, bagi maksud menggalakkan penanaman semula tumbuhan getah;
- (r) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau diterima dengan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini; dan
- (s) secara amnya, membayar apa-apa belanja untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

15. Menjadi kewajipan Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara untuk memastikan bahawa jumlah hasil Pihak Berkuasa mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya termasuk susut nilai dan bunga atas modal dari setahun ke setahun.

Ses atas getah

16. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah bagi pengenaan ses ke atas getah yang dikeluarkan di dalam atau dieksport dari Malaysia, bagi maksud penanaman semula, dan perintah itu boleh menentukan jenis, amaun dan kadar ses itu, orang atau golongan orang yang ke atasnya ses dikenakan dan cara pungutan ses itu.

(2) Kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya dalam mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), ses yang dikenakan melalui perintah itu hendaklah, bagi maksud pungutan dan bagi penguatkuasaan pungutan, disifatkan sebagai suatu duti kastam di bawah Akta Kastam 1967.

(3) Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan amaun, kadar dan cara pungutan yang berlainan bagi jenis atau gred getah yang berlainan berhubungan dengan orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan.

(4) Seseorang yang tidak atau enggan membayar apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh kali amaun ses yang kena dibayar atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Amaun apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa daripada orang yang ke atasnya ses itu dikenakan dan boleh dibawa guaman baginya dan didapatkan dalam mana-mana Mahkamah atas guaman Pihak Berkuasa.

(6) Pemulaan prosiding di bawah seksyen ini tidak melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti untuk membayar apa-apa ses yang baginya dia bertanggungjawab atau mungkin bertanggungjawab atau daripada liabiliti untuk membuat apa-apa penyata yang dikehendaki dibuat olehnya oleh Akta ini.

(7) Tanpa menjejaskan subseksyen (5), mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (4) boleh memerintahkan supaya orang itu membayar kepada Pihak Berkuasa jumlah amaun ses yang diperakui oleh pegawai kewangan Pihak Berkuasa sebagai kena dibayar oleh orang itu pada tarikh sabitan.

(8) Ses yang kena dibayar di bawah subseksyen (7) hendaklah, bagi maksud pungutan, disifatkan sebagai suatu denda dan hendaklah didapatkan mengikut seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

(9) Menteri boleh mengubah atau membatalkan suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

17. (1) Perbelanjaan Pihak Berkuasa setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum 1 Jun setiap tahun, Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butiran sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum 1 Disember tahun itu, memberitahu Pihak Berkuasa amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(4) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan perbelanjaannya bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

18. (1) Pihak Berkuasa hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berhubung dengan harta dan aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Pihak Berkuasa hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam yang lain, suatu laporan yang memperkatakan aktiviti Pihak Berkuasa sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah mengikut apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan presiding dan dasar Pihak Berkuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

19. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] terpakai bagi Pihak Berkuasa, syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V**KUASA DAN FUNGSI LAIN PIHAK BERKUASA****Kuasa untuk meminjam**

20. Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa untuk memenuhi mana-mana obligasinya atau untuk menunaikan mana-mana kewajipannya.

Pelaburan

21. (1) Wang Pihak Berkuasa hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, memperoleh dan membangunkan tanah dan harta bagi atau berkaitan dengan perjalanan kuasanya dan bagi maksud ini boleh membuat apa-apa perundingan, perkiraan atau perjanjian sebagaimana yang perlu untuk menghasilkan pendapatan yang dikehendaki bagi pengendalian Pihak Berkuasa.

Kuasa untuk mengambil khidmat ejen, dsb.

22. Pihak Berkuasa boleh mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, broker saham, juruukur, penilai dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk memberikan pinjaman

23. Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, memberikan pinjaman pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan.

Kuasa untuk menubuhkan perbadanan

24. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan perbadanan, dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa, untuk menjalankan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa program, Skim, projek atau aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya.

(2) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa di bawah subseksyen (1).

BAHAGIAN VI**SKIM****Tafsiran**

25. Dalam Bahagian ini, "semakan kehakiman" termasuklah presiding yang dimulakan dengan carafe J permohonan bagi apa-apa perintah prerogatif *mandamus*, larangan dan *certiorari*;

(b) permohonan bagi perisytiharan atau injunksi;

(c) apa-apa writ *habeas corpus*;

(d) apa-apa guaman atau tindakan lain yang berhubungan dengan atau yang berbangkit daripada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa keputusan yang dibuat menurut apa-apa kuasa yang diberikan kepada Menteri di bawah Bahagian ini.

Kuasa Menteri untuk mengisytiharkan pekebun kecil atau estet

26. (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, secara bertulis, mengisytiharkan—

- (a) seseorang atau segolongan orang sebagai pekebun kecil; atau
- (b) seseorang atau segolongan orang sebagai pemunya mana-mana estet.

(2) Menteri boleh, dalam suatu perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1), mengenakan apa-apa syarat, batasan atau sekatan.

(3) Suatu perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh pada bila-bila masa dipinda atau dibatalkan oleh Menteri.

Skim untuk pekebun kecil atau estet

27. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, menetapkan suatu Skim bagi faedah pekebun kecil atau estet.

(2) Suatu Skim yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) bolehlah termasuk peruntukan bagi bantuan, promosi atau galakan penanaman semula, penanaman baru tumbuhan getah atau, jika pada pendapat Pihak Berkuasa demi kepentingan perusahaan getah wajar peruntukan sedemikian dibuat, penanaman tanaman lain yang hendaklah dinyatakan dalam Skim.

Kuasa Menteri untuk mengarahkan pemberhentian bantuan atau mendapatkan balik nilai bantuan

28. Menteri boleh, mengikut seksyen 29 atau 30, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengarahkan Pihak Berkuasa untuk memberhentikan pemberian apa-apa bantuan, atau mendapatkan balik apa-apa jumlah wang yang merupakan nilai atau sebahagian daripada nilai apa-apa bantuan yang diberikan, di bawah peruntukan Akta ini, yang merupakan bantuan yang boleh diterima atau telah diterima, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah mana-mana Skim.

Arahan untuk memberhentikan pemberian bantuan

29. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa perjalanan mana-mana Skim dengan sepatutnya dan efisien telah pada bila-bila masa terjejas atau sedang jejas dengan penyertaan mana-mana orang dalam Skim itu, Menteri boleh mengarahkan Pihak Berkuasa untuk memberhentikan pemberian apa-apa bantuan yang mungkin boleh diterima atau telah diterima oleh orang itu di bawah Skim itu tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pemberhentian itu dan Pihak Berkuasa hendaklah kemudiannya berhenti memberikan bantuan itu.

(2) Peruntukan subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi suatu Skim walaupun Skim itu telah tamat tempohnya.

(3) Tiada semakan kehakiman boleh dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap apa-apa arahan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen ini.

Arahan untuk mendapatkan balik bayaran

30. (1) Jika suatu arahan untuk memberhentikan pemberian apa-apa bantuan dibuat di bawah seksyen 29, Menteri boleh mengarahkan Pihak Berkuasa untuk mendapatkan balik daripada orang yang dinyatakan dalam arahan itu suatu amaun wang yang hendaklah juga dinyatakan dalam arahan itu dan yang merupakan nilai atau sebahagian daripada nilai bantuan yang telah diberikan di bawah Skim itu, dan Pihak Berkuasa hendaklah kemudiannya dengan segera mengambil segala langkah yang perlu untuk mendapatkan balik amaun tersebut.

(2) Peruntukan subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi suatu Skim walaupun Skim itu telah tamat tempoh.

(3) Orang yang dinyatakan oleh Menteri dalam arahannya di bawah subseksyen (1) boleh terdiri daripada—

(a) peserta dalam Skim itu;

(b) ejen peserta itu; atau

(c) orang yang menerima bantuan bagi pihak peserta itu.

(4) Amaun wang yang dinyatakan dalam arahan itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa daripada orang yang dinyatakan dalam arahan itu dan Pihak Berkuasa berhak memulakan apa-apa tindakan atau presiding yang perlu untuk mendapatkan balik amaun wang itu.

(5) Tiada semakan kehakiman boleh dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap apa-apa arahan yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen ini.

Menteri boleh meminda arahan

31. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, meminda atau membatalkan apa-apa arahan yang dibuat di bawah seksyen 29 atau 30.

(2) Jika Menteri membatalkan suatu arahan di bawah seksyen 29 atau 30, ia tidaklah menjejaskan kuasa Menteri untuk mengeluarkan apa-apa arahan lain berkenaan dengan perkara yang sama.

Pemakaian seksyen 29 hingga 31 bagi syarikat atau perbadanan

32. Jika sesuatu syarikat yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3B(2) atau sesuatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) bertanggungjawab menguruskan sesuatu Skim, seksyen 29 hingga 31 hendaklah terpakai bagi syarikat atau perbadanan itu seolah-olah syarikat atau perbadanan itu ialah Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VII

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

Pemberian kuasa kepada pegawai

33. Ketua Pengarah boleh secara bertulis memberi kuasa kepada—

(a) mana-mana pegawai Pihak Berkuasa; atau

- (b) dengan persetujuan Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia, mana-mana pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 46 Akta Lembaga Getah Malaysia (Diperbadankan) 1996 [Akta 551],

untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

Kuasa penyiasatan

34. Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini.

Kad kuasa

35. (1) Hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 33 suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah.

(2) Apabila pegawai itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

36. (1) Jika ternyata pada Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

(a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau

(b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi penjalanan penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki premis itu dan jika perlu dengan kekerasan.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk—

- (a) menggeledah premis itu untuk, dan menyita atau mengalihkan dari premis itu apa-apa getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai akan memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel apa-apa getah yang dijumpai di dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di premis itu.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya orang dan kelengkapan lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis itu, atau mana-mana pagar, kepungan, pagar pintu atau halangan lain ke premis itu untuk masuk ke dalam premis itu;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga penggeledahan itu selesai.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk mengalihkan apa-apa getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu di dalam premis itu atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau mengalihkan getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilak itu atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk memasuki premis

37. Walau apa pun seksyen 36, seseorang pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa apa-apa getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa atau kepada Pihak Berkuasa; atau
- (c) memungut sampel apa-apa getah.

Penyitaan benda, dsb.

38. Tanpa menjejaskan subseksyen 36(2), apa-apa getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seorang pegawai diberi kuasa telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai diberi kuasa itu.

Senarai benda disita

39. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai tiap-tiap getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita dan tempat di mana getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada penghuni tempat atau premis di mana getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita itu dijumpai.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana tempat atau premis yang tidak dihuni, pegawai diberi kuasa itu hendaklah apabila mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu dengan cara yang mudah dilihat di tempat atau premis itu.

(4) Jika apa-apa getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain disita selain di dalam atau dari mana-mana tempat atau premis, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan penyitaan itu kepada pemunya getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita itu dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu sendiri atau melalui pos ke tempat perniagaan atau kediamannya.

(5) Notis di bawah subseksyen (4) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran atau dengan pengetahuan pemunya.

Penjualan dan pelupusan getah yang disita

40. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa getah yang disita di bawah Akta ini dijual dan hasil jualan itu dipegang sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini jika—

- (a) getah itu adalah daripada jenis yang mudah rosak atau mutunya mudah merosot;
- (b) getah itu reput dengan cepat dan secara semula jadi;
- (c) penjagaan getah itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah;
- (d) getah itu dipercayai menyebabkan halangan atau bahaya kepada orang awam; atau

- (e) terdapat kekurangan atau ketiadaan kemudahan yang mencukupi atau sesuai untuk menyimpan getah itu.

Pelucuthakan getah, dsb, yang disita

41. (1) Apa-apa getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain itu, melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, memberikan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang dalam miliknya getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai diberi kuasa hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada Majistret Kelas Pertama bagi mendapatkan keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapan Majistret itu dan apabila mereka hadir atau mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain itu yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret hendaklah memerintahkan supaya getah atau hasil jualannya, atau buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dihantarserahkan kepada pegawai diberi kuasa dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Majistret.

(9) Pihak Berkuasa tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, tidak kira bagaimana sekalipun berlaku, dalam mutu getah yang disita di bawah Akta ini.

Hak harta mengenai getah, dsb., yang dilucuthakkan

42. Apa-apa getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa.

Pelepasan getah, dsb., yang disita

43. Walau apa pun seksyen 41, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dilepaskan kepada orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya ia disita.

Kos memegang getah, dsb, yang disita

44. Jika apa-apa getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Pihak Berkuasa atau Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, dalam hal mana-mana orang didapati bersalah atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa atau Kerajaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh orang itu dan hendaklah boleh didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

45. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa getah atau hasil jualannya, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa Pihak Berkuasa untuk menghendaki maklumat

46. Pihak Berkuasa boleh menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa perisytiharan, penyata, perakuan atau dokumen lain atau segala maklumat lain yang berhubungan dengan estet dan kebun kecil getah, dan pengeluaran, penyimpanan, penjualan dan pengeksportan getah, yang pada pendapat Pihak Berkuasa adalah perlu untuk menunaikan kewajipan Pihak Berkuasa di bawah Akta ini.

Kuasa tambahan

47. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini dan meneliti, memeriksa, memuat turun dan membuat salinan rekod, akaun, data berkomputer dan dokumen itu;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk memastikan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

(2) Seseorang yang gagal mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VIII**AM****Kewajipan menyimpan rahsia**

48. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini, tiada seorang pun yang mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat, maklumat, dokumen atau bahan lain yang diperolehi di bawah Akta ini boleh menzahirkan rekod, buku, daftar, surat, maklumat, dokumen atau bahan lain itu kepada mana-mana orang lain.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

49. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab tentang pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau bersejajir dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh, di bawah Akta ini, dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh—

- (a) pekerjanya dalam masa penggajiannya;
- (b) ejen itu semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Pengkompaunan kesalahan

50. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, membuat tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pihak Berkuasa suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun maksimum denda bagi kesalahan itu, dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa getah atau hasil jualan getah itu, atau apa-apa buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan mengikut syarat kompaun oleh Ketua Pengarah.

(5) Walaupun kompaun dibayar di bawah subseksyen (1) bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 16, tiada seorang pun boleh dilepaskan daripada tanggungan bagi pembayaran apa-apa ses yang dia adalah atau mungkin bertanggung di bawah Akta ini.

Pemulaan pendakwaan

51. Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Ray a.

Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang

52. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Menteri;
- (b) Pihak Berkuasa;
- (c) mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa; atau
- (d) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi Pihak Berkuasa,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

53. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pihak Berkuasa atau terhadap mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

54. Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa, semasa menunaikan kewajipannya di bawah Akta ini sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksan [*Akta 574*].

Kuasa untuk mengecualikan

55. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa getah atau kelas getah atau apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan sektor pekebun kecil daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi patut diberikan.

Pindaan Jadual

56. Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa, meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Peraturan-peraturan

57. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti bagi maksud menjalankan, atau tatacara yang perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Bahagian VI;
- (b) untuk menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti untuk mentadbir Kumpulan Wang;
- (c) untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun;

- (d) untuk menetapkan rekod dan dokumen yang dikehendaki disimpan dan penyata yang dikehendaki dikemukakan;
- (e) untuk menetapkan fi dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara memungut dan membelanjakan fi itu;
- (f) untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia semua atau mana-mana aktiviti Pihak Berkuasa dan secara amnya pelaksanaan fungsi, penjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
- (g) untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan bahawa apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu."

Pindaan Jadual

18. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 3(4)]

Mesyuarat

1. (1) Pihak Berkuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tiga bulan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Sekurang-kurangnya empat belas hari notis bertulis hendaklah diberikan kepada anggota.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa.

(4) Kuorum Pihak Berkuasa ialah tujuh orang.

(5) Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa yang hadir berhak kepada satu undi.

(6) Jika mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Pihak Berkuasa terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Elaun

2. Anggota Pihak Berkuasa hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri.

Pihak Berkuasa boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

3. (1) Pihak Berkuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Pihak Berkuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa fi yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Meterai perbadanan

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa.

(2) Suatu cap yang mengandungi perkataan "Rubber Industry Smallholders Development Authority" atau "Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah" hendaklah digunakan dan disifatkan sebagai meterai perbadanan Pihak Berkuasa.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarah atau orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan ini, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Walau apa pun subperenggan (3), apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Pihak Berkuasa mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Pihak Berkuasa oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Pihak Berkuasa hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran kepentingan

5. Seseorang anggota Pihak Berkuasa yang, secara langsung atau secara tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya Pihak Berkuasa bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa hendaklah menzahirkan hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu kepada Pihak Berkuasa, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Pihak Berkuasa dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Pihak Berkuasa yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Minit

6. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Pihak Berkuasa berkenaan dengan prosiding yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Kesahan perbuatan dan prosiding

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada kekosongan dalam keanggotaan, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Pihak Berkuasa;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 5 oleh mana-mana anggota Pihak Berkuasa; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Tatacara

8. Tertakluk kepada Akta ini, Pihak Berkuasa hendaklah menetapkan tatacaranya sendiri.

Anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa

9. Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

Pelantikan hendaklah disiarkan

10. Pelantikan tiap-tiap anggota dan anggota silih ganti Pihak Berkuasa hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 24(2)]

Kuasa Pihak Berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan

1. Pihak Berkuasa hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 24, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Pihak Berkuasa dan hak pengawalan Pihak Berkuasa ke atas perbadanan itu.

Batasan kuasa untuk menubuhkan perbadanan

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan sebagai memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas ruang lingkupnya daripada maksud atau tujuan yang baginya Pihak Berkuasa telah ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk dalam hak, kewajipan, kuasa atau fungsi Pihak Berkuasa di bawah Akta ini.

Kuat kuasa peraturan-peraturan

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 57, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah dibuat dalam Akta ini.

Pindaan peraturan-peraturan

4. Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana perbadanan.

Daftar perbadanan

5. Pihak Berkuasa hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 24 dan daftar itu, berserta dengan salinan semua peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 dan 4, adalah terbuka untuk pemeriksaan awam di mana-mana tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

Penggulungan

6. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Pihak Berkuasa setelah segala liabilitinya ditunaikan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 24 ialah suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Pihak Berkuasa dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa dan dibawa guaman terhadapnya atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, Skim atau perusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan dalam atau dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa dalam setiap hal.

Meterai perbadanan

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Pihak Berkuasa dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Pihak Berkuasa.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan itu.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberi kuasa oleh perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang bermaksud sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan ini, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Walau apa pun subperenggan (3), apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan oleh perbadanan mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman."

Pemansuhan, kecualian dan peralihan

19. (1) Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 [*Ord.No. 8 tahun 1952*] ("Ordinan yang dimansuhkan") dimansuhkan.

(2) Semua peraturan, Skim, pengecualian, arahan dan perintah yang dibuat, dan rekod yang disimpan di bawah Ordinan yang dimansuhkan, hendaklah pada permulaan kuat kuasa Akta ini terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat atau disimpan di bawah Akta ibu, sehingga diperuntukkan selainnya di bawah atau dipinda oleh Akta ibu.

(3) Segala wang dalam atau yang kena dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan hendaklah pada permulaan kuat kuasa Akta ini dipindahkan ke dalam dan disifatkan sebagai sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 13 Akta ibu.

(4) Semua permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, yang berhubungan dengan penanaman semula atau penanaman tumbuhan getah atau tanaman lain yang diluluskan di bawah Ordinan yang dimansuhkan hendaklah pada permulaan kuat kuasa Akta ini diuruskan di bawah Akta ibu.

(5) Apa-apa siasatan, perbicaraan atau prosiding yang dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini boleh disambung atau ditamatkan di bawah dan mengikut peruntukan Akta ibu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 ("Akta 85").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan seksyen 2. Akta 85 dengan seksyen baru yang mengandungi takrif baru ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

4. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 85 dengan menggantikan subseksyen (2), (3) dan (4) dengan subseksyen baru. Subseksyen (3) memperkatakan objektif Pihak Berkuasa.

5. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A dan 3B ke dalam Akta 85 yang mengandungi fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa.

6. *Fasal 7* bertujuan untuk menggantikan seksyen 4 Akta 85 dengan seksyen baru yang mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Pihak Berkuasa.

7. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A, 4B, 4c, 4D, 4E, 4F dan 4G ke dalam Akta 85.

Seksyen 4A mengadakan peruntukan bagi tempoh jawatan anggota Pihak Berkuasa.

Seksyen 4B bertujuan memberi Menteri kuasa untuk melantik anggota silih ganti berhubung dengan anggota tertentu Pihak Berkuasa.

Seksyen 4c menyatakan hal keadaan yang di bawahnya Menteri boleh melantik mana-mana anggota Pihak Berkuasa untuk menjalankan sementara fungsi Pengerusi.

Seksyen 4D adalah mengenai pembatalan pelantikan anggota-anggota Pihak Berkuasa dan peletakan jawatan mereka.

Seksyen 4E menyatakan hal keadaan yang di bawahnya jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa menjadi kosong.

Seksyen 4F bertujuan mengadakan peruntukan bagi perwakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa.

Seksyen 4G bertujuan untuk memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantu Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya.

8. *Fasal 9* bertujuan untuk memotong seksyen 5, 6, 7 dan 8 Akta 85.
9. *Fasal 10* bertujuan untuk menggantikan seksyen 9 Akta 85 dengan seksyen baru. Seksyen baru itu memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan am kepada Pihak Berkuasa.
10. *Fasal 11* bertujuan untuk memotong seksyen 10 Akta 85.
11. *Fasal 13* bertujuan untuk menggantikan seksyen 11 Akta 85 dengan seksyen baru yang mengandungi peruntukan berkenaan dengan pelantikan Ketua Pengarah.
12. *Fasal 14* bertujuan untuk menggantikan seksyen 11A Akta 85 dengan seksyen baru yang mengandungi peruntukan berkenaan dengan kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah.
13. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 11AA, 11AB, 11AC dan 11AD ke dalam Akta 85.
- Seksyen 11AA bertujuan untuk memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk melantik pegawai dan pekhidmatnya. Subseksyen (3) bertujuan untuk memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya, dengan kelulusan Menteri.
- Seksyen 11AB bertujuan untuk memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmatnya.
- Seksyen 11AC bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perwakilan kewajipan Ketua Pengarah.
- Seksyen 11AD memperuntukkan bahawa Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 terpakai bagi Pihak Berkuasa.
14. *Fasal 16* bertujuan untuk memotong seksyen 11B, 11C, 11D, 11E, 11F, 11G, 11H, 11I, 11J, 11K dan 12 Akta 85. Seksyen 11B, 11C, 11D, 11E, 11F, 11G, 11H, 11I, 11J, dan 11K Akta 85 dipotong kerana semua perkara dalam seksyen tersebut telah diperuntukkan dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.
15. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IV, V, VI, VII dan VIII ke dalam Akta 85.

BAHAGIAN IV

Bahagian IV mengandungi peruntukan kewangan.

Seksyen 13 mengadakan peruntukan bagi penubuhan "Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah" ("Kumpulan Wang").

Seksyen 14 menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.

Seksyen 15 meletakkan kewajipan ke atas Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang itu.

Seksyen 16 mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pengutipan ses atas getah yang dikeluarkan di atau dieksport dari Malaysia.

Seksyen 17. memperkatakan perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

Seksyen 18 menghendaki Pihak Berkuasa mengemukakan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Menteri dan mana-mana pihak berkuasa awam yang lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

Seksyen 19 memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai bagi Pihak Berkuasa dan kepada mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta 85.

BAHAGIAN V

Bahagian V memperkatakan kuasa dan fungsi lain Pihak Berkuasa.

Seksyen 20 bertujuan untuk membolehkan Pihak Berkuasa meminjam wang.

Seksyen 21 bertujuan untuk membenarkan Pihak Berkuasa melaburkan wang Pihak Berkuasa.

Seksyen 22 memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank dan broker saham.

Seksyen 23 memberi Pihak Berkuasa kuasa, dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan, untuk memberikan pinjaman.

Seksyen 24 membenarkan Pihak Berkuasa untuk menubuhkan perbadanan.

BAHAGIAN VI

Bahagian VI memperkatakan Skim untuk pekebun kecil atau estet.

Seksyen 26 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana orang atau golongan orang sebagai pekebun kecil atau pemunya estet.

Seksyen 27 memberi Pihak Berkuasa kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk menetapkan Skim bagi faedah pekebun kecil atau estet.

Seksyen 28 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan Pihak Berkuasa untuk memberhentikan pemberian apa-apa bantuan dan mendapatkan balik bayaran yang telah diberikan kepada peserta sesuatu Skim.

Seksyen 29 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan Pihak Berkuasa memberhentikan pemberian apa-apa bantuan.

Seksyen 30 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan Pihak Berkuasa mendapatkan balik amaun bantuan yang diberikan.

Seksyen 31 memperkatakan kuasa Menteri untuk meminda arahan yang diberikan di bawah seksyen 29 dan 30.

Seksyen 32 memperuntukkan bahawa seksyen 29 hingga 31 terpakai bagi syarikat atau perbadanan jika syarikat atau perbadanan itu adalah bertanggungjawab bagi sesuatu Skim.

BAHAGIAN VII

Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penguatkuasaan.

Seksyen 33 bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk melantik pegawai diberi kuasa bagi maksud menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta 85.

Seksyen 34 mengadakan peruntukan mengenai kuasa pegawai diberi kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta 85 dan seksyen 35 memperuntukkan bahawa setiap pegawai diberi kuasa di bawah seksyen 33 hendaklah diberi kad kuasa dan hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kadnya.

Seksyen 36 memperkatakan kuasa pengeledahan dan penyitaan dengan waran.

Seksyen 37 bertujuan memberi pegawai diberi kuasa-kuasa untuk memasuki mana-mana premis bagi maksud melakukan pemeriksaan, pengesahan dan pemungutan sampel.

Seksyen 38 memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penyitaan benda, dsb.

Seksyen 39 bertujuan untuk mengenakan tanggungjawab ke atas pegawai diberi kuasa untuk menyediakan senarai benda yang disita.

Seksyen 40 bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengarahkan penjualan dan pelupusan getah yang disita.

Seksyen 41 memperkatakan pelucuthakan getah, dsb., yang disita.

Seksyen 42 memperuntukkan bahawa apa-apa getah, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau yang diambil dan disifatkan dilucuthakkan di bawah Akta 85 hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa.

Seksyen 43 mengadakan peruntukan mengenai pelepasan getah, dsb. yang disita.

Seksyen 44 memperuntukkan bahawa kos bagi memegang dalam jagaan apa-apa benda yang disita di bawah Akta 85 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa atau Kerajaan dan boleh didapatkan sewajarnya jika orang itu didapati bersalah atas sesuatu kesalahan.

Seksyen 45 memperuntukkan bahawa tiada seorang pun berhak kepada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada apa-apa penyitaan benda pada menjalankan atau yang berupa sebagai perjalanan mana-mana kuasa di bawah Akta 85 melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Seksyen 46 bertujuan untuk memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk menghendaki mana-mana orang mengemukakan maklumat, dsb., jika maklumat, dsb. itu, adalah perlu bagi penunaian kewajipannya di bawah Akta 85.

Seksyen 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan pegawai diberi kuasa bagi maksud pelaksanaan Akta 85.

BAHAGIAN VIII

Bahagian VIII mengandungi peruntukan am.

Seksyen 48 memperkatakan kewajipan menyimpan rahsia.

Seksyen 49 mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Seksyen 50 bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengkompaun kesalahan dengan keizinan Pendakwa Raya.

Seksyen 51 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemulaan pendakwaan.

Seksyen 52 memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perlindungan pegawai daripada tindakan guaman dan presiding undang-undang.

Seksyen 53 memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau presiding terhadap Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasa, anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa.

Seksyen 54 memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasa atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksan semasa menunaikan kewajibannya sebagai sedemikian.

Seksyen 55 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan Akta 85 dan seksyen 56 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Seksyen 57 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

16. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda Jadual dengan memasukkan Jadual Pertama dan Jadual Kedua baru ke dalam Akta 85.

17. *Fasal 19* mengandungi peruntukan mengenai pemansuhan, kecualian dan peralihan.

18. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2550]

D.R. 13/2009

**RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN
KECIL PERUSAHAAN GETAH (PINDAAN) 2009**

**PINDAAN YANG AKAN DICADANGKAN DALAM
JAWATANKUASA OLEH YB MENTERI KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH**

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

Teks bahasa kebangsaan Rang Undang-Undang ini dipinda dalam *fasal 3* dengan memotong perkataan "tidak" dalam perenggan (a) takrif "pekebun kecil" yang terdapat dalam seksyen 2 yang dicadangkan melalui *fasal 3* itu.

HURAIAN

Pindaan yang dicadangkan kepada *fasal 3* adalah untuk membetulkan kesilapan tipografi.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan
Wilayah Oktober 2009

[PN(U2)
2550]